

## 37 Pelajar FPP UMS Lawat Tadika Yue Min Penampang

Terakhir dikemaskini: Isnin, 05 Mac 2018 16:30 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 263

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**ISNIN, 05 MAC** – Seramai 37 pelajar Program Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan lawatan akademik ke Tadika Yue Min, Penampang baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan program berkenaan, lawatan tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa melihat sendiri tatacara pengurusan tadika selain sebagai usaha universiti bagi meningkatkan teknik para pelajar dalam membina jalinan silaturahim dengan masyarakat luar kampus.

Kenyataan itu memaklumkan, pelbagai aktiviti telah dijalankan di tadika tersebut yang turut disertai dua pensyarah Program Pendidikan Awal Kanak-kanak UMS, Dr. Connie Shin @ Connie Cassy Ompok serta Dr. Musirin Mosin.

Antara aktiviti yang diadakan termasuklah, lawatan para mahasiswa ke setiap kelas yang ada bagi melihat sistem pengajaran dan pembelajaran diadakan selain persembahan sempena sambutan Tahun Baru Cina daripada kanak-kanak di Tadika Yue Min.

Mahasiswa UMS turut menyaksikan sejarah penubuhan tadika tersebut yang dipaparkan melalui tayangan video.

Hadir sama, Pengerusi Tadika Yue Min, Alvin Lee.

Sumber: FPP